

05 APR 1996

Mahathir-wanita

RUGI JIKA KETEPIKAN TENAGA WANITA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Negara yang menyetepikan wanita dalam program pembangunan sebenarnya membazirkan guna tenaga dan kepakaran pengurusan yang amat berharga, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata negara seperti Malaysia, yang mempunyai bilangan wanita sama banyak dengan lelaki, tidak boleh menyetepikan wanita kerana guna tenaga lelaki semata-mata tidak mencukupi untuk menggerakkan jentera pembangunan.

"Sebaliknya jika wanita bersama-sama lelaki mengambil bahagian dalam pembangunan negara, kita akan mampu melakukan lebih banyak lagi kemajuan," katanya pada majlis pecah tanah dan perletakan batu asas bangunan Institut Pengurusan Wanita (WIM) di Jalan Tun Abang Haji Openg di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata wanita mempunyai kecekapan pengurusan semulajadi yang lahir hasil tugas mereka sebagai suri rumahtangga.

Kecekapan semulajadi itu yang diadun dengan sikap suka menabung di kalangan kebanyakan wanita amat berguna terutama dalam bidang perniagaan, katanya.

Dr Mahathir berkata hakikat itu amat terserlah di Malaysia kerana bilangan wanita yang berjaya dalam perniagaan semakin hari semakin bertambah.

Beliau yakin dengan siapnya bangunan WIM itu, kecekapan wanita dalam bidang pengurusan akan lebih terserlah kerana pelbagai program dan kursus sudah diatur untuk melatih mereka.

Pembinaan bangunan WIM setinggi empat tingkat itu dijangka berharga RM6 juta.

Terletak di kawasan seluas 0.5 hektar, bangunan itu antara lain dilengkapi bilik pentadbiran, pusat sumber, asrama dan pusat perniagaan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dianugerahi Ahli Mulia WIM, anugerah tertinggi institut itu kerana kepimpinannya yang unik, berpandangan jauh, berdisiplin dan usahanya memupuk tanggungjawab kemasyarakatan di kalangan rakyat Malaysia.

WIM juga menandatangani memorandum persefahaman dengan University of East London yang akan bersama-samanya mengendalikan kursus Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA). -- BERNAMA

AH AKD